



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

SECRETARY GENERAL
MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

Tel : 603-8870 5051
Faks (Fax) : 603-8870 6806
Laman Web (Web) : <http://www.mohe.gov.my>

Ruj. Kami : KPT.600-1/9/1(2)
Tarikh : 11 Mac 2016

**Semua Naib Canselor/ Rektor Universiti Awam
Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Semua Pengarah Politeknik
Semua Pengarah Kolej Komuniti**

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PAS PELAJAR ANTARABANGSA KE INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI DI MALAYSIA

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 22 Disember 2015 telah bersetuju untuk mempermudah prosedur kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT di Malaysia seperti berikut:

- a) pelajar antarabangsa dibenarkan memohon sendiri pas pelajar secara *online* kepada *Education Malaysia Global Services* (EMGS), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT); dan
- b) tempoh pas pelajar antarabangsa dikeluarkan secara *one-off* berdasarkan tempoh pengajian minimum yang ditetapkan oleh IPT masing-masing.

3. Sehubungan itu, "Garis Panduan Permohonan Pas Pelajar Antarabangsa Ke Institusi Pendidikan Tinggi Di Malaysia" telah disediakan bertujuan memaklumkan mengenai kaedah permohonan pas pelajar antarabangsa ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai **15 Mac 2016**.

4. Bersama-sama ini disertakan "Garis Panduan Permohonan Pas Pelajar Antarabangsa Ke Institusi Pendidikan Tinggi Di Malaysia" untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan sewajarnya.

5. Perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized initial 'Z' followed by a horizontal line extending to the right.

(DATO' SERI IR. DR. ZAINI BIN UJANG)

KPT.600-1/9/1(3)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PAS PELAJAR ANTARABANGSA KE INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI DI MALAYSIA

TUJUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai kaedah permohonan pas pelajar antarabangsa ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini:

“Education Malaysia Global Services (EMGS)” ialah sebuah syarikat jaminan kerajaan yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan bertanggungjawab sebagai pusat sehenti bagi perkhidmatan pelajar antarabangsa di Malaysia.

“Ijazah” ialah ijazah yang dianugerahkan kepada seseorang di peringkat sarjana muda atau di peringkat sarjana atau di peringkat

kedoktoran oleh IPT yang membawa kepada penganugerahan ijazah itu atau yang setaraf dengannya.

“Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)” ialah:

- a. institusi pendidikan tinggi awam atau juga disebut sebagai universiti awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] termasuk *International Islamic University of Malaysia* (IIUM) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi Mara 1976 [*Akta 173*];
- b. universiti atau kampus cawangan atau kolej universiti atau kolej yang diluluskan dan didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*]; dan
- c. Politeknik dan Kolej Komuniti yang ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] atau mana-mana institusi atau badan yang menyediakan pendidikan tinggi di Malaysia.

“Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK)” ialah Jabatan di bawah pentadbiran KPT selaras dengan peruntukan di bawah Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*].

“Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP)” ialah Jabatan di bawah pentadbiran KPT selaras dengan peruntukan di bawah Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*].

“Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)” ialah Jabatan di bawah pentadbiran KPT dan berfungsi menjalankan tanggungjawab menurut peruntukan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*].

“Kerangka Kelayakan Malaysia” ialah tahap kelayakan yang terkandung dalam Kerangka Kelayakan Malaysia bagi sektor pendidikan tinggi pada tahap tiga (3) hingga lapan (8) iaitu sijil, diploma, diploma lanjutan, sijil dan diploma siswazah, ijazah sarjana muda, sijil pascasiswazah dan diploma pascasiswazah, ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran.

“Kursus pengajian” ialah satu program atau satu set program atau kursus yang berkaitan yang membawa kepada penganugerahan sijil atau diploma atau ijazah selepas tamat mengikuti dengan jayanya kursus pengajian itu.

“Pelajar” ialah seseorang pelajar yang berdaftar dengan mana-mana institusi pendidikan tinggi yang dikawal selia oleh KPT.

LATAR BELAKANG

3. Seajar dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi bertaraf antarabangsa sepertimana digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), KPT menggalakkan pelajar antarabangsa memilih Malaysia sebagai destinasi pilihan utama untuk melanjutkan pengajian.

4. Sebagai penambahbaikan kepada kaedah sedia ada yang menetapkan bahawa pelajar antarabangsa perlu mengemukakan

permohonan pas pelajar melalui IPT pilihan masing-masing, beberapa kaedah baru diperkenalkan:

- a. pelajar antarabangsa dibenarkan memohon sendiri pas pelajar secara *online* kepada EMGS; dan
 - b. tempoh pas pelajar antarabangsa dikeluarkan mengikut tempoh pengajian yang ditetapkan oleh JPT, JPP dan JPKK.
5. Penambahbaikan kepada kaedah sedia ada ini adalah hasil daripada kerjasama KPT dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Luar Negeri (KLN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan EMGS.

KAEDAH-KAEDAH PERMOHONAN

6. Dalam mengemukakan permohonan pas pelajar secara *online* kepada EMGS, pelajar-pelajar antarabangsa hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
- a. Dikehendaki mengikuti kursus pengajian secara sepenuh masa berdasarkan tahap yang dinyatakan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia.
 - b. **Permohonan baharu**
 - (i) mendapat surat tawaran kursus pengajian dari IPT yang dipohon; dan

- (ii) memiliki pasport atau dokumen perjalanan yang masih dalam tempoh sah laku.

c. **Permohonan dari pelajar sedia ada**

Pas pelajar akan diberi mengikut baki tempoh pengajian sebagaimana dinyatakan dalam surat tawaran tertakluk pada tempoh sah laku pasport atau dokumen perjalanan.

TANGGUNGJAWAB INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

7. Dalam melaksanakan permohonan pas pelajar, IPT hendaklah bertanggungjawab:

- a. memastikan semua permohonan pas pelajar dibuat melalui EMGS;
- b. menawarkan program pengajian kepada pemohon yang layak sahaja;
- c. memaklumkan kepada pelajar bahawa permohonan boleh dikemukakan secara *online* sama ada terus kepada EMGS atau melalui IPT;
- d. mengemukakan satu salinan surat tawaran pelajar berserta dokumen sokongan yang berkaitan kepada EMGS;

- e. memastikan maklumat permohonan pas pelajar adalah teratur dan disahkan betul;
- f. mengesahkan status pelajar *bona fide* dalam sistem aplikasi EMGS;
- g. mengemukakan dokumen *hardcopy* pelajar yang telah disahkan kepada EMGS dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** selepas membuat pengesahan status pelajar *bona fide* dalam sistem aplikasi EMGS;
- h. mengemukakan laporan keputusan prestasi akademik, rekod kehadiran dan status pengajian pelajar kepada EMGS;
- i. mengemukakan surat makluman berserta laporan polis kepada JPT atau JPP atau JPKK dan JIM dalam tempoh **tiga (3) hari** sekiranya pelajar tidak menghadiri kuliah **tiga (3) hari berturut-turut**;
- j. melaporkan segera kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM), JIM, JPT atau JPP atau JPKK dan EMGS ke atas setiap isu atau masalah pelajar antarabangsa dari segi status pengajian pelajar sama ada telah berhenti, gagal menamatkan pengajian, bertukar tempat dan kursus pengajian serta salah laku; dan

- k. mematuhi garis panduan dan piawaian, syarat-syarat, peraturan, pekeliling dan akta yang telah ditetapkan oleh agensi kawal selia, agensi penguatkuasa dan EMGS dari semasa ke semasa.

PEMBATALAN PAS PELAJAR

8. Pas pelajar yang dikeluarkan oleh JIM boleh dibatalkan sekiranya pelajar didapati melanggar garis panduan dan piawaian, syarat-syarat, peraturan, pekeliling dan akta yang telah ditetapkan oleh agensi kawal selia, agensi penguatkuasa dan EMGS dari semasa ke semasa.

PEMAKAIAN

9. Garis panduan ini terpakai kepada semua IPT yang beroperasi di Semenanjung Malaysia sahaja.

10. Garis panduan ini perlu dibaca bersama dengan garis panduan dan piawaian, syarat-syarat, peraturan, pekeliling dan akta yang telah ditetapkan oleh agensi kawal selia, agensi penguatkuasa dan EMGS dari semasa ke semasa.

TARIKH KUAT KUASA

11. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai **15 Mac 2016**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SERI IR. DR. ZAINI UJANG)

Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Tinggi

11 Mac 2016

Semua Naib Canselor/ Rektor Universiti Awam

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (yang mempunyai kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa dari KDN)

Semua Pengarah Politeknik

Semua Pengarah Kolej Komuniti